

4.2.4 Perkembangan Sosiobudaya

1. Sistem Tulisan dan Bahasa

- Tulisan Palava dan Kawi yang berasal dari India digunakan dengan meluas.
- Tulisan Jawi dibentuk daripada huruf-huruf Arab yang diguna oleh masyarakat Melayu hingga kini.

2. Persuratan

- Mulanya dalam bentuk batu bersurat sehingga lahir karya-karya dalam bentuk manuskrip.

3. Seni Bina

- Memudahkan kehidupan dalam perkembangan kegiatan pertanian, pelayaran, perdagangan dan keagamaan.

Amalan Beragama

- Mengamalkan sifat terbuka.
- Mengamalkan sifat toleransi.
- Agama jadi simbol penyatuan raja dan rakyat.
- Golongan agama diberi tempat dan status yang istimewa dalam kerajaan.
- Candi besar dibina sebagai lambang keagungan sesebuah kerajaan.
- Masjid dibina sebagai pusat ibadat, pendidikan dan kebajikan.



Penilaian Tahap Penguasaan 4.2.4

1. Lengkapkan pernyataan berikut. **TP 1**

Keunikan perkembangan sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu dapat dilihat dalam aspek _____, _____, _____ dan _____.

2. Lengkapkan pernyataan berikut tentang keunikan warisan dalam amalan beragama. **TP 3**

Brahmin	terbuka	ibadat	masjid	madrasah	penasihat
---------	---------	--------	--------	----------	-----------

- Masyarakat kerajaan Alam Melayu mengamalkan sifat _____ dan sifat toleransi dalam amalan beragama.
- Golongan _____ mempunyai peranan yang besar semasa pertabalan raja.
- Dalam kerajaan Funan, Srivijaya dan Angkor, golongan agama dilantik sebagai pentadbir dan _____ pemerintah.
- Candi Borobudur dan Angkor Wat menjadi institusi agama yang berperanan sebagai pusat _____, tempat pemujaan roh nenek moyang dan pusat perhimpunan para pendeta.
- _____ dibina apabila agama Islam tersebar.
- Institusi pondok atau _____ merupakan keunikan sistem pendidikan Islam yang diteruskan hingga hari ini.

3. Sebagai generasi kini, bagaimanakah cara untuk memelihara keunikan warisan masyarakat kerajaan Alam Melayu? **TP 4** **KEAT** **Merajut Ide**
